



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
LOT NO : 14687, JALAN SUNGAI LEMBING,
25200 KUANTAN, PAHANG.



Tel : 09-5736304 / 6346

Faks : 09-5736423

Laman Web : www.kpmim.edu.my

No. Ruj Kami: KPM/KTN/HEP C3 (67)
Tarikh: 22 Jun 2020

Semua Pelajar Kanan
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota

Tuan / Puan,

MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN (PELAJAR SEMESTER 2 HINGGA SEMESTER 7) KPM INDERA MAHKOTA (KPMIM) SESI 2/2020 AMBILAN JULAI

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pengurusan KPM Indera Mahkota mengucapkan tahniah atas kejayaan saudara/saudari meneruskan pengajian di KPM Indera Mahkota untuk sesi pengajian seterusnya. Untuk makluman, Mesyuarat Pemantauan BPT Bil. 4/2020 bertarikh 10 Julai 2020 telah meluluskan penamaan semula sesi pengajian KPM daripada Sesi Jun 2020 kepada **Sesi 2/2020 Ambilan Julai**.

3. Berikut adalah beberapa maklumat penting berkaitan dengan pendaftaran sesi 2/2020 Ambilan Julai untuk makluman dan tindakan **semua pelajar kanan**:

A) Tatacara Pendaftaran Pelajar Kanan

- i. Pelajar Kanan merangkumi pelajar Belajar Di Rumah (BDR) dan pelajar yang Belajar Di Kolej (BDK). Pelajar BDR akan mengikuti mod PdP secara dalam talian sepenuhnya dari rumah masing-masing. Manakala pelajar BDK adalah kumpulan pelajar yang telah dikenalpasti untuk kembali belajar di kolej.
- ii. Bagi pelajar BDR, sila rujuk Ketua Jabatan atau mentor masing-masing untuk makluman lanjut berkaitan sesi PdP.
- iii. Semua pelajar kanan perlu melayari <https://tinyurl.com/Pendaftaran-PelajarKanan-KPM> dan juga merujuk **Lampiran A** untuk maklumat yuran pendaftaran yang terperinci.
- iv. Hanya pelajar Semester 4 dan 5 sahaja yang perlu membayar yuran muafakat pada Sesi 2/2020.
- v. Pautan sistem pendaftaran kursus <https://kpmim.ik-one.biz/mentee/index.php> dibuka mulai 26 Jun 2020 (mulai 11.00 pagi) sehingga 30 Jun 2020 (tutup 11.59 malam). Sila rujuk **Lampiran B** untuk makluman lanjut.
- vi. Tarikh pendaftaran pelajar kanan yang Belajar Di Kolej (BDK) adalah pada 3 Julai 2020 (pelajar lelaki) dan 4 Julai 2020 (pelajar perempuan). Sila rujuk **Lampiran C** untuk makluman lanjut.
- vii. Semua pelajar yang Belajar Di Kolej (BDK) diwajibkan untuk tinggal di asrama sepanjang Sesi 2/2020 Ambilan Julai.

B) Elaun Sara Hidup

- i. Pihak MARA masih membayar elaun sara hidup pelajar RM300.00/ sebulan untuk yang mengikuti pengajian peringkat Diploma.
- ii. Sila berhubung dengan Pn. Nurul Aini binti Zainun [Pembantu Tadbir Hal Ehwal Pelajar] di talian 09-573 6304 sambungan 106, sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkaitan dengan elaun pelajar.

C) Pendaftaran Lewat

- i. Pendaftaran lewat (selepas 3 @ 4 Julai 2020) tanpa sebarang alasan yang munasabah bagi tempoh 7 hari bekerja berikutnya, akan dikenakan denda seperti berikut :
 - a) RM 50.00 - Hari pertama
 - b) RM 10.00 - Setiap hari berikutnya
- ii. Sekiranya pelajar tidak mendaftar dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pendaftaran kolej [3 @ 4 Julai 2020], pelajar dianggap tidak berminat untuk meneruskan pengajian dan akan ditamatkan pengajian.
- iii. Pihak kolej tidak meluluskan sebarang permohonan cuti di sepanjang pengajian melainkan cuti sakit yang diluluskan oleh badan kesihatan bertauliah. Contoh-contoh cuti yang tidak diluluskan adalah seperti cuti umrah, cuti melancong dan cuti keluar negara.


D) Penjagaan Keselamatan dan Kesihatan

- i. Sila pastikan anda memuat turun aplikasi **MySejahtera** untuk penilaian kesihatan sendiri dan untuk tujuan pendaftaran di kolej.
- ii. Sila patuh kepada arahan kawalan keselamatan kawalan pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN), MARA dan kolej.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



HJ. SUWANDI BIN SANUSI
Pengarah
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota
Kuantan